

SISTEM PENILAIAN PERSONALITI DISC (*DISCOVERME*)

ILHAM SOFIYA BINTI AZHAR

PROF. MADYA. DR. YAZRINA YAHYA

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

ABSTRAK

Dalam era yang sedang berkembang pesat ini, individu sering menghadapi kesukaran dalam mencorak masa depan mereka, terutama dalam membuat keputusan berkaitan kerjaya dan pembangunan diri. Bagi menangani masalah ini, sistem Penilaian Personaliti DISC berasaskan web dibangunkan agar dapat membantu mengenal corak personaliti individu bagi tujuan pembangunan diri, komunikasi, dan kerjasama dalam pasukan. Kajian mendapati bahawa masalah utama yang dihadapi oleh masyarakat adalah kekurangan platform mudah akses yang boleh menilai personaliti secara tepat. Sistem Penilaian Personaliti DISC ini adalah berdasarkan soal selidik kendiri yang mengukur empat gaya tingkah laku utama : Dominance (Dominan), Influence (Pengaruh), Steadiness (Kestabilan), dan Conscientiousness (Ketelitian). Gaya-gaya ini berasal daripada kajian ahli psikologi William Moulton Marston, yang membangunkan model DISC pada tahun 1920-an. Soal selidik ini biasanya terdiri daripada beberapa siri kenyataan yang menggambarkan pelbagai tingkah laku atau situasi. Pengguna diminta untuk menilai seberapa kerap mereka mempamerkan setiap tingkah laku tersebut mengikut skala (contohnya, dari "sangat tidak setuju" hingga "sangat setuju"). Keputusan kemudian dianalisis untuk menentukan gaya tingkah laku dominan individu dan gaya sekunder. Analisis ini dilakukan menggunakan sistem permarkahan yang memberikan skor kepada setiap jawapan berdasarkan hubungan dengan faktor-faktor DISC. Model DISC ini dapat menyediakan pandangan peribadi untuk kesedaran diri dan pembangunan peribadi untuk membantu meningkatkan kerja berpasukan, komunikasi dan produktiviti di sesebuah organisasi. Sistem Penilaian Personaliti DISC ini bukan sahaja dapat menentukan ciri personaliti individu, tetapi sebaliknya dapat memberikan sebuah gambaran yang lebih mendalam tentang corak tingkah laku mereka dan kecenderungan mereka. Kajian ini menghasilkan satu platform baharu yang menawarkan penilaian personaliti secara masa nyata, lebih mudah akses, dan boleh digunakan oleh individu serta organisasi untuk tujuan pembangunan personaliti dan kepimpinan. Selain itu, sistem ini juga dapat menawarkan pendekatan yang lebih mudah dan efisien dalam penilaian personaliti, serta mempunyai potensi untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber manusia dan pembangunan bakat dalam organisasi.

PENGENALAN


Penilaian personaliti ialah kaedah yang digunakan untuk menilai dan memahami ciri-ciri, sifat dan tingkah laku individu. Ia melibatkan penggunaan alat seperti soal selidik, ujian psikometrik, atau temu duga yang direka untuk mendedahkan maklumat mengenai personaliti seseorang, seperti cara mereka berinteraksi, membuat keputusan, mengurus emosi dan mengalami tekanan. Penilaian ini biasanya dikaitkan dengan model atau teori tertentu, seperti DISC, MBTI (Myers-Briggs Type Indicator), atau Big Five Personality Traits, untuk mengklasifikasikan personaliti ke dalam kategori atau skala tertentu.

Dalam konteks perniagaan dan organisasi, penilaian personaliti telah menjadi alat yang penting dan didapati berkembang dengan peratusan yang ketara dalam kebanyakan organisasi. Banyak organisasi menggunakan untuk memahami ciri pekerja, mengenalpasti kekuatan serta kelemahan pekerja, dan menilai kesesuaian pekerja dengan peranan tertentu. Hasil penilaian dapat membantu organisasi memahami cara pekerja berfungsi dalam pasukan. Melalui penilaian yang tepat, organisasi dapat memperbaiki proses pengambilan pekerja, meningkatkan keberkesanannya latihan, mengukuhkan kerjasama pasukan, dan membina program pembangunan kepimpinan yang lebih berkesan. Penilaian ini adalah penting dalam pengurusan kerana personaliti pekerja boleh menentukan sejauh mana mereka dapat menjalankan tugas dengan baik. Personaliti yang selari dengan budaya organisasi juga dapat mengurangkan masalah produktiviti, masalah komunikasi, dan kadar peralihan pekerja yang tinggi, yang berpotensi memberi impak positif kepada kos dan keberkesanannya sebuah organisasi.

Projek ini bertujuan untuk membangunkan sistem Penilaian Personaliti DISC berasaskan web yang mudah akses dan mesra pengguna. Model DISC dipilih kerana kemampuannya dalam mengenal pasti tingkah laku dan ciri-ciri individu secara lebih terperinci dan sesuai dalam konteks organisasi. DISC, singkatan kepada Dominance (Dominan), Influence (Pengaruh), Steadiness (Kestabilan), dan Conscientiousness (Ketelitian), telah digunakan oleh lebih daripada satu juta orang setiap tahun untuk membantu meningkatkan kerjasama, komunikasi, dan produktiviti di tempat kerja. Penilaian DISC juga diiktiraf secara meluas dan digunakan dalam ribuan organisasi di seluruh dunia, termasuk intitusi kerajaan besar, seperti syarikat Fortune 500, NGO, dan perniagaan kecil. Matlamat projek yang dibangunkan ini adalah untuk membantu organisasi membina hubungan kerja yang lebih kukuh dan berkesan, melalui panduan tingkah laku yang jelas untuk pembangunan diri dan pengurusan sumber manusia.

METODOLOGI KAJIAN

Rajah 1 merupakan Kaedah Kitaran Hidup Pembangunan Sistem (SDLC) dengan model Agile. Metodologi Agile adalah satu proses pengurusan projek yang memecahkan projek kepada tugas dan peringkat yang lebih kecil. Pemecahan kerja kecil ini membolehkan penilaian semula terhadap kerja dan mengambil pendekatan berulang pada setiap tahap proses. Berbeza dengan pendekatan pengurusan projek tradisional, Agile dapat meminimumkan risiko, meningkatkan fleksibiliti serta kualiti projek (Jagoan Hosting Team 2023). Agile juga dianggap lebih fleksibel di mana perubahan boleh dilakukan saat proses pembuatan pembangunan perisian sedang berlangsung (Niko Ramadhan 2023). Metodologi ini mempunyai lima fasa utama iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pengujian dan fasa penghantaran.



Rajah 1 Aliran Metodologi Agile

Fasa analisis

Dalam fasa ini, analisis dijalankan bagi memahami secara mendalam keperluan pengguna dan matlamat utama pembangunan sistem penilaian personaliti DISCoverMe. Dalam fasa ini, masalah yang sering dihadapi oleh individu atau organisasi dalam memahami profil personaliti akan dikenal pasti dan dianalisis untuk membentuk penyelesaian yang relevan. Pengumpulan data melibatkan kajian kesusteraan, temubual pengguna, serta analisis pasaran untuk menentukan ciri-ciri asas dan keperluan sistem yang diperlukan. Berdasarkan maklumat yang diperoleh, komponen utama sistem akan dikenalpasti dan dianalisis untuk memastikan bahawa setiap spesifikasi sistem memenuhi aspek teknikal, kebolehaksesan, dan keselamatan yang diperlukan. Sepanjang fasa ini, penekanan diberikan kepada penyusunan dan analisis keperluan agar pembangunan sistem DISCoverMe dapat dicapai dengan kualiti dan kebolehlaksanaan teknikal yang tinggi, sejajar dengan kehendak pengguna dan organisasi.

Fasa reka bentuk

Dalam fasa ini, perancangan struktur dan fungsi sistem disusun dengan terperinci untuk memastikan sistem mesra pengguna, boleh dipercayai dan efisien. Reka bentuk merangkumi antara muka pengguna (UI) dan algoritma yang diperbaiki dari masa ke masa untuk mencapai tahap yang ideal dan memenuhi keperluan penyelidikan. Di samping itu, reka bentuk pangkalan data dibangunkan untuk menyokong penyimpanan data penilaian dan maklumat pengguna secara selamat dan berstruktur, dengan memastikan integriti dan kerahsiaan data terjaga. Fungsi utama bagi menghasilkan laporan DISC automatik juga dirancang dengan teliti agar dapat memberikan analisis personaliti yang dapat dimanfaatkan untuk pembangunan diri dan organisasi.

Fasa pembangunan

Fasa pembangunan memfokuskan dalam aspek membangunkan sistem yang dirancang. Perisian dan bahasa pengaturcaraan yang dipilih, digunakan untuk menjalankan fasa pembangunan. Fasa ini melibatkan pembinaan modul utama sistem, termasuk modul penilaian personaliti DISC yang mengandungi siri soal selidik untuk mengukur ciri-ciri personaliti pengguna berdasarkan model DISC. Pada masa yang sama, pangkalan data yang dirancang akan dihubungkan ke sistem untuk menyimpan data serta respons pengguna secara selamat dan tersusun. Ciri utama yang membolehkan sistem menghasilkan laporan personaliti juga dibangunkan dalam fasa ini, di mana algoritma pemprosesan digunakan untuk menghasilkan laporan yang tepat berdasarkan respons pengguna. Melalui pendekatan ini, fasa pembangunan memastikan setiap komponen sistem DISCoverMe dihasilkan dengan teliti, dan bersedia untuk pengujian menyeluruh dalam fasa seterusnya.

Fasa pengujian

Semasa fasa pengujian, sistem berasaskan web yang siap dibangunkan ini akan diuji secara menyeluruh untuk memastikan ia memenuhi spesifikasi dan beroperasi dengan betul. Dalam fasa ini juga, pembangun dapat mengenalpasti sama ada reka bentuk antara muka sistem bersesuaian dengan sasaran pengguna. Segala pengujian yang dijalankan terhadap sistem ini adalah untuk memastikan sistem mencapai objektif yang ditetapkan.

Fasa penghantaran

Selepas fasa pembangunan dan pengujian, sistem yang berjaya dibangunkan dalam setiap lelaran akan dihantar kepada pengguna untuk dinilai. Maklum balas daripada pengguna akan dikumpulkan untuk tujuan penambahbaikan dan pengubahsuaian sistem. Setelah sistem diubah suai memenuhi objektif serta kehendak pengguna, ia akan dipasang pada pelayan utama dan dapat diakses melalui platform web. Fasa Penghantaran ini memastikan sistem DISCoverMe siap digunakan oleh organisasi dengan jaminan kualiti dan sokongan berterusan, yang memaksimumkan manfaatnya untuk tujuan pembangunan personaliti dan pengurusan organisasi.

KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Sistem Penilaian Personaliti DISC (*DISCoverMe*) telah berjaya dibangunkan dan semua dokumentasinya dilengkappkan. Implementasi Sistem Penilaian Personaliti DISC (*DISCoverMe*) adalah berasaskan Web. *Visual Studio Code* telah digunakan untuk untuk membangunkan sistem ini dengan bahasa pengaturcaraan HTML, CSS dan *Javascript*. Pustaka tambahan yang digunakan adalah nodemailer dan express-session. Pangkalan data yang digunakan ialah *phpMyAdmin*, yang berfungsi untuk menyimpan dan mengurus data penting berkaitan pengguna dan maklumat sistem secara efisien. Susunan komponen dalam sistem adalah kemas dan penggunaan bahasa yang tepat supaya dapat memudahkan proses penggunaan. Warna biru dipilih sebagai warna sistem agar dapat mengurangkan keletihan mata pengguna.


Apabila memasuki sistem, pengguna akan disambut dengan landing page seperti dalam Rajah 2. Untuk menggunakan sistem ini, pengguna perlu mendaftar akaun terlebih dahulu dengan menekan butang “Daftar & Mulakan Penilaian” seperti di Rajah 3 dan dibawa ke *login page*.



Rajah 2 Antara Muka *Landing Page*


Rajah 3 Antara Muka Pendaftaran Akaun

Apabila pengguna telah mendaftarkan akaun, mereka akan dipaparkan antara muka *login page*. Antara muka *login page* adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4, di mana pengguna boleh menggunakan ID pengguna atau emel mereka dan kata laluan yang telah dijana dan dihantar oleh sistem melalui emel.




Rajah 4 Antara Muka *Login Page*

Sistem akan memaparkan laman utama mengikut jenis pengguna sama ada pengguna atau pentadbir (*admin*) apabila pengguna berjaya log masuk ke dalam sistem. Rajah 5 menunjukkan antara muka halaman utama pengguna yang memaparkan butang ‘Soal Selidik’ dan ‘Sejarah Laporan Penilaian’. Halaman utama pengguna juga memaparkan *navigation bar* yang mengandungi butang ‘Soal Selidik’, ‘Sejarah Laporan Penilaian’, ‘Profil’ dan ‘Log Keluar’. Sistem akan membawa pengguna ke halaman yang dikehendaki selepas menekan butang yang berikut.




Rajah 5 Antara Muka Halaman Utama Pengguna

Walaubagaimanapun, pengguna tidak akan dapat mengakses butang ‘Sejarah Laporan Penilaian’ jika pengguna belum menjawab soal selidik Penilaian Personaliti DISC. Rajah 6 menunjukkan antara muka antara muka halaman utama soal selidik DISC di mana pengguna hendaklah memberi keizinan agar maklumat mereka disimpan ke dalam sistem untuk tujuan menjana laporan penilaian sebelum memulakan soal selidik.




Rajah 6 Antara Muka Halaman Utama Soal Selidik DISC Pengguna

Setelah pengguna menekan butang ‘Mula’, pengguna akan dibawa ke halaman soal selidik DISC yang memaparkan 10 soalan bagi setiap halaman seperti di Rajah 7. Pengguna dikehendaki untuk menekan butang ‘Simpan’ sebelum mereka dapat ke halaman seterusnya. Pengguna juga harus menjawab soal selidik dalam had masa yang ditetapkan. Jika melebihi had masa yang ditetapkan, pengguna perlu memulakan semula soal selidik DISC ini.




Rajah 7 Antara Muka Soal Selidik DISC Pengguna

Apabila pengguna telah selesai menjawab kesemua soalan, laporan penilaian DISC akan dijanakan oleh sistem secara automatik. Laporan yang dijana akan mengukur 4 gaya tingkah laku DISC; Dominance (Dominan), Influence (Pengaruh), Steadiness (Kestabilan), dan Conscientiousness (Ketelitian), berdasarkan jawapan soal selidik DISC pengguna. Rajah 8 menunjukkan antara muka laporan penilaian.



Rajah 8 Antara Muka Laporan Penilaian Pengguna

Rajah 9 menunjukkan antara muka profil pengguna. Sistem akan memaparkan maklumat peribadi pengguna berdasarkan akaun pengguna. Maklumat yang diisi oleh pengguna semasa pendaftaran adalah tidak boleh diubah melainkan pentadbir yang mengubahnya.



Rajah 9 Antara Muka Profil Pengguna

Selain itu, jika pentadbir yang log masuk ke dalam sistem, mereka dapat mengemaskini, menambah dan menghapuskan soalan dari soal selidik DISC seperti di Rajah 10. Segala perubahan yang dilakukan akan disimpan ke dalam pangkalan data.

ID Soalan	Soalan	Jenis	Tindakan
S001	Saya mengambil alih kawalan dalam situasi apabila orang lain teragak-agak	Dominance	<button>Kemaskini</button> <button>Hapus</button>
S002	Saya suka mewujudkan suasana yang positif dan meriah	Influence	<button>Kemaskini</button> <button>Hapus</button>
S003	Saya lebih suka mengikuti prosedur yang ditetapkan untuk memastikan ketepatan	Compliance	<button>Kemaskini</button> <button>Hapus</button>

Rajah 10 Antara Muka Soal Selidik Admin

Rajah 11 menunjukkan antara muka laporan penilaian pentadbir yang akan memaparkan senarai pengguna yang telah daftar ke dalam sistem. Selain daripada melihat laporan penilaian pengguna, pentadbir juga dapat melihat status pengguna yang telah selesai atau belum selesai menjawab soal selidik.

ID Pengguna	Nama	Nombor Telefon	Email	Organisasi	Status	Tindakan
test	test	test	test	Jabatan	BELUM SELESAI	<button>Lihat Laporan</button> <button>Muat Turun PDF</button>
US001	Amiqa Balqis	0123456789	a193872@gmail.com	DHI	SELESAI	<button>Lihat Laporan</button> <button>Muat Turun PDF</button>
US002	Anis Zulaikha	0123456789	anis@gmail.com	academy	SELESAI	<button>Lihat Laporan</button> <button>Muat Turun PDF</button>
US003	Ilham Sofiya	01127217387	a193872@siswa.ukm.edu.my	UKM	SELESAI	<button>Lihat Laporan</button> <button>Muat Turun PDF</button>
US004	Ilham	0123457892	herseylace@gmail.com	UKM	BELUM SELESAI	<button>Lihat Laporan</button> <button>Muat Turun PDF</button>
US005	Siti nuraini binti agus mizam	0106034110	A193896@siswa.ukm.edu.my	ukm	SELESAI	<button>Lihat Laporan</button> <button>Muat Turun PDF</button>
US006	Nurirdina Binti Mohd Norafian	013-2061232	a193574@siswa.ukm.edu.my	ukm	SELESAI	<button>Lihat Laporan</button> <button>Muat Turun PDF</button>

Rajah 11 Antara Muka Laporan Penilaian DISC Pentadbir

Rajah 12 memaparkan senarai pengguna dan maklumat mereka seperti ID Pengguna, Nama, Nombor Telefon, Emel dan Organisasi berdaftar mereka. Pentadbir boleh mengemaskini profil setiap pengguna atau menghapuskan maklumat pengguna daripada sistem. Pentadbir juga boleh menambah pengguna secara manual.

ID Pengguna	Nama	Nombor Telefon	Email	Organisasi	Tindakan
test	test	test	test	Jabatan	<button>Kemaskini</button> <button>Hapus</button>
US001	Amira Balqis	0123456789	a193872@gmail.com	DHI	<button>Kemaskini</button> <button>Hapus</button>
US002	Anis Zulaikha	0123456789	anis@gmail.com	academy	<button>Kemaskini</button> <button>Hapus</button>
US003	Ilham Sofiya	01127217387	a193872@siswa.ukm.edu.my	UKM	<button>Kemaskini</button> <button>Hapus</button>
US004	Ilham	0123457892	herseylace@gmail.com	UKM	<button>Kemaskini</button> <button>Hapus</button>
US005	Siti nuraini binti agus mizam	0106034110	A193896@siswa.ukm.edu.my	ukm	<button>Kemaskini</button> <button>Hapus</button>
US006	Nurirdina Binti Mohd Norfian	013-2061232	a193574@siswa.ukm.edu.my	ukm	<button>Kemaskini</button> <button>Hapus</button>

Rajah 12 Antara Muka Data Pengguna

Pengujian Kebolehgunaan

Soal selidik pengujian dijalankan bagi mengetahui tentang pengalaman menggunakan sistem dan kepuasan hati oleh pengguna. Seramai 30 responden dipilih secara rawak untuk menyertai pengujian ini.

Jadual 1 Data Demografi Responden (Bahagian A)

Bahagian A: Demografi Responden	Bilangan	Peratus(%)
Jantina		
Lelaki	15	50
Perempuan	15	50
Umur		
18-24	16	53.3
25-34	12	40
35-44	2	6.7
45 ke atas	0	0
Kategori Pengguna		
Pelajar	19	63.3
Guru/Pensyarah	2	3.3
Umum	10	33.3

Berdasarkan jadual 1, seramai 50% responden adalah lelaki manakala 50% responden adalah perempuan. 53.3% responden adalah dalam lingkungan umur 18-24, manakala 25-34 seramai 40%, 35-44 seramai 6.7% dan tiada responden dari lingkungan umur 45 ke atas. Terdapat 63.3% responden merupakan pelajar, manakala 3.3% adalah guru atau pensyarah dan 33.3% adalah dari kategori pengguna umum.

Jadual 2 Data Kemudahan Modul Sistem (Bahagian B)

Bahagian B: Kemudahan Modul Sistem	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
Pendaftaran Pengguna mudah digunakan.	0	0	1 (3.3%)	1 (3.3%)	28 (93.3%)
Log Masuk mudah digunakan.	0	0	0	12 (40%)	18 (60%)
Soal Selidik DISC mudah digunakan.	0	0	0	2 (6.7%)	28 (93.3%)
Simpan Jawapan mudah digunakan.	0	0	1 (3.3%)	1 (3.3%)	28 (93.3%)
Hantar Jawapan mudah digunakan.	0	0	0	2 (6.7%)	28 (93.3%)
Countdown Timer mudah difahami.	0	0	0	2 (6.7%)	28 (93.3%)
Laporan DISC mudah didapatkan.	0	0	0	2 (6.7%)	28 (93.3%)
Paparan Profil mudah digunakan.	0	0	0	3 (10%)	27 (90%)
Log Keluar mudah digunakan.	0	0	0	2 (6.7%)	28 (93.3%)

Jadual 2 menunjukkan bahagian B dimana soalan ini merangkumi tentang kemudahan modul sistem. Hampir kesemua soalan bagi modul ini mendapat seramai 90% dan ke atas responden yang memilih sangat setuju bahawa modul-modul adalah mudah digunakan.

Jadual 3 Data Reka Bentuk Dan Penampilan Sistem (Bahagian C)

Bahagian C: Reka Bentuk Dan Penampilan Sistem	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
Warna sistem menarik dan sesuai digunakan.	0	0	0	1 (3.3%)	29 (96.7%)
Butang dalam sistem mudah digunakan	0	0	0	1 (3.3%)	29 (96.7%)
Susun atur halaman kemas dan teratur.	0	0	0	1 (3.3%)	29 (96.7%)
Tulisan mudah dibaca dan difahami.	0	0	0	1 (3.3%)	29 (96.7%)

Jadual 3 menunjukkan bahagian C dimana soalan ini merangkumi tentang reka bentuk dan penampilan sistem. Majoriti responden berpuas hati dengan warna, butang, susun atur halaman dan penggunaan tulisan di dalam sistem ini.

Jadual 4 Data Kepuasan Dan Penilaian Umum (Bahagian D)

Bahagian D: Kepuasan Dan Penilaian Umum	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju
Maklumat dalam laporan mudah difahami.	0	0	0	1 (3.3%)	29 (96.7%)
Bahasa yang digunakan dalam sistem adalah sesuai.	0	0	0	2 (6.7%)	28 (93.3%)
Saya berpuas hati menggunakan sistem ini.	0	0	0	3 (9.7%)	27 (90%)

Berdasarkan Jadual 4, jadual ini menunjukkan bahawa majoriti responden setuju dan sangat setuju bahawa maklumat dalam laporan mudah difahami, penggunaan bahasa adalah sesuai dan responden berpuas hati ketika menggunakan sistem ini.

Cadangan Penambahbaikan

Berdasarkan hasil pengujian sistem dan beberapa kekangan yang telah dikenalpasti, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan bagi meningkatkan mutu dan capaian sistem DISCoverMe pada masa akan datang.

Pertama, sistem boleh ditambah baik dengan menyediakan pilihan bahasa yang lebih pelbagai seperti Bahasa Inggeris, Mandarin, dan Tamil. Kepelbagaiannya ini akan membolehkan sistem digunakan oleh lebih ramai pengguna dari pelbagai latar belakang, sekali gus menjadikan DISCoverMe lebih inklusif dan mudah difahami oleh masyarakat pelbagai kaum dan negara.

Selain itu, sistem ini boleh diperluaskan penggunaannya ke peringkat antarabangsa dengan membenarkan akses global kepada penilaian DISC dalam talian. Dengan memperluaskan capaian ini, sistem berpotensi untuk digunakan oleh institusi pendidikan, syarikat korporat, dan individu dari luar Malaysia yang memerlukan alat penilaian personaliti yang efektif dan mudah diakses. Langkah ini juga dapat membuka peluang kerjasama rentas negara dalam bidang pembangunan diri dan pengurusan sumber manusia.

Penambahbaikan lain yang boleh dipertimbangkan termasuklah penambahan fungsi eksport laporan dalam bentuk PDF, integrasi dengan e-mel untuk penghantaran automatik laporan kepada pengguna, serta penyesuaian visual laporan berdasarkan jenis personaliti yang dikesan. Fungsi-fungsi tambahan ini bukan sahaja dapat meningkatkan pengalaman pengguna, malah memperkuuh nilai profesional sistem sebagai alat penilaian yang dipercayai.

Dengan pelaksanaan cadangan ini, sistem DISCoverMe berpotensi untuk berkembang lebih jauh dan menjadi platform penilaian personaliti yang lebih mantap, berdaya saing dan relevan di peringkat global.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, sistem ini telah berjaya dibangunkan dengan menggunakan data yang telah dikaji dan diperolehi. Objektif kajian dan keperluan yang telah ditetapkan sebelum ini telah berjaya dicapai. Walaupun terdapat beberapa halangan, ia berjaya diatasi menggunakan pelbagai cara.

Kekuatan Sistem

Sistem DISCoverMe mempunyai beberapa kelebihan tersendiri berbanding kaedah penilaian personaliti tradisional. Pertamanya, sistem ini menyediakan penilaian personaliti berdasarkan model DISC secara automatik dan sistematik. Pengguna hanya perlu menjawab soal selidik yang disediakan, dan sistem akan mengira skor serta menjana laporan personaliti secara terus. Ini memudahkan pengguna untuk mengenali profil personaliti mereka tanpa perlu membuat analisis secara manual, sekali gus menjimatkan masa dan mengurangkan risiko kesilapan.

Selain itu, sistem ini mempunyai antara muka yang mesra pengguna dan mudah difahami. Reka bentuk halaman yang ringkas dan susun atur yang teratur membolehkan pengguna mengakses fungsi-fungsi utama seperti pendaftaran, log masuk, soal selidik, dan paparan laporan dengan mudah. Paparan laporan personaliti pula dibentangkan dalam bentuk grafik radar dan carta bar yang menarik, disertai penerangan teks yang ringkas dan jelas. Ini membantu pengguna memahami profil diri mereka dengan lebih baik dan pantas.

Satu lagi kekuatan sistem ini adalah fungsi countdown timer yang memberi kawalan masa kepada pengguna dalam menjawab soal selidik. Fungsi ini secara tidak langsung mendisiplinkan pengguna agar melengkapkan penilaian dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 72 jam. Jika masa tamat, pengguna akan diarahkan semula ke halaman utama untuk mengulangi soal selidik, memastikan integriti proses penilaian.

Tambahan lagi, sistem ini juga menyimpan data pengguna dengan selamat dalam pangkalan data dan membenarkan pengguna melihat semula laporan mereka melalui halaman khusus. Fungsi ini sangat berguna untuk rujukan semula serta pemantauan perkembangan diri secara berterusan.

Secara keseluruhannya, DISCoverMe menawarkan pendekatan penilaian personaliti yang moden, pantas dan efisien, sesuai digunakan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, pembangunan kendiri dan pengurusan sumber manusia.

Kelemahan Sistem

Sistem DISCoverMe ini menawarkan pelbagai kelebihan, tetapi terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti sepanjang pembangunan dan pelaksanaannya. Pertama sekali, sistem ini masih terhad kepada satu bahasa sahaja, iaitu Bahasa Melayu. Kekurangan pilihan bahasa lain mungkin menyukarkan pengguna bukan penutur Bahasa Melayu untuk memahami sepenuhnya kandungan soal selidik dan laporan personaliti. Hal ini boleh mengehadkan penggunaan sistem di peringkat antarabangsa atau oleh pengguna dari pelbagai latar belakang bahasa.

Selain itu, sistem ini belum mempunyai fungsi pengeksportan laporan dalam bentuk PDF atau fungsi penghantaran laporan melalui e-mel. Ketiadaan fungsi ini menjadikan pengguna perlu menyimpan laporan secara manual atau membuat tangkapan skrin, yang kurang efisien untuk tujuan dokumentasi atau perkongsian.

Dari segi teknikal, sistem masih belum dioptimumkan sepenuhnya untuk penggunaan pada peranti mudah alih. Walaupun antara muka sistem boleh diakses melalui pelayar telefon pintar, susun atur dan skala paparan tidak sepenuhnya responsif, yang boleh menjelaskan pengalaman pengguna terutama mereka yang lebih bergantung pada peranti mudah alih.

Tambahan lagi, sistem tidak mempunyai fungsi pengesahan lanjutan seperti pengesahan dua faktor atau sekuriti tambahan bagi perlindungan data pengguna. Memandangkan sistem menyimpan maklumat peribadi dan skor personaliti, ciri keselamatan yang lebih kukuh wajar dipertimbangkan dalam versi akan datang.

Secara keseluruhannya, walaupun DISCoverMe berfungsi dengan baik dalam memenuhi objektif asal, beberapa aspek teknikal dan fleksibiliti sistem masih boleh dipertingkatkan untuk memberikan pengalaman yang lebih menyeluruh dan profesional kepada pengguna.

PENGHARGAAN

Penulis kajian ini ingin ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. Yazrina Yahya, penyelia penulis kajian ini yang telah memberi tunjuk ajar serta bimbingan untuk menyiapkan projek ini dengan jayanya.

Penulis kajian ini juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyempurnakan projek ini. Segala bantuan yang telah dihulurkan amatlah dihargai kerana tanpa bantuan mereka, projek ini tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Semoga tuhan merahmati dan memberikan balasan yang terbaik.

RUJUKAN

- Andrei, B. A., Casu-Pop, A. C., Gheorghe, S. C., & Boiangiu, C. A. (2019). A study on using waterfall and agile methods in software project management. *Journal of Information Systems & Operations Management*, 125-135. [6 November 2024]
- BEEDU, G. K. (2021). A Study on the effectiveness of DISC personality test. Selinus University of Sciences and Literature. [21 Oktober 2024]
- Cameron McKenzie. (2024, August 22). What is MVC? Model View Controller Explained [Video]. YouTube. https://www.youtube.com/watch?v=H_-_7oO0R17c [22 October 2024]
- Christudas, B. (2019). MySQL. *Practical Microservices Architectural Patterns*, 877–884. https://doi.org/10.1007/978-1-4842-4501-9_27 [4 Disember 2024]
- Gordon, K. A., Auten, J. N., Gordon, D., & Rook, A. (2019). Linking behavioral styles of leaders to organizational success: using the DISC model to grow behavioral awareness. *International Journal of Adult Vocational Education and Technology (IJAVENT)*, 10(1), 40-59. [20 Oktober 2024]
- LayHar. (2014, October 16). Reka bentuk dan model pangkalan data [Slide show]. SlideShare. <https://www.slideshare.net/LayHar/reka-bentuk-dan-model-pangkalan-data-40333399> [21 Oktober 2024]
- Serafica Gischa. (2023, October 14). Pengertian dan Karakteristik User Interface yang Baik. KOMPAS.com; Kompas.com. <https://www.kompas.com/skola/read/2023/10/14/093000469/pengertian-dan-karakteristik-user-interface-yang-baik?page=all> [10 Januari 2025]

Ilham Sofiya Binti Azhar (A193872)

Prof. Madya Dr. Yazrina Yahya

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat

Universiti Kebangsaan Malaysia